

**60**  
MERENTAS GENERASI  
TAHUN 1957-2017

**BH**

**VARSITI**

bhvarsiti@bh.com.my

KHAMIS

28

09

2017

1

## INOVASI

Kit khas kenal pasti disleksia al-Quran

6

## KEUSAHAWANAN

SPROUT pacu pembabitan pelajar dalam keusahawanan



Antara calon yang bertanding pada pemilihan MPP Sesi 2017/2018 UKM.

# KUASA MEDIA SOSIAL

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**C**alon bertanding pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2017/2018 di universiti awam (UA) seluruh negara, memanfaatkan sepenuhnya keberkesanan media sosial sebagai antara saluran utama kempen meraih sokongan pengundi.

Menyedari trend penggunaan meluas platform komunikasi yang popular, mudah dan pantas itu dalam gaya hidup generasi muda kini, calon terbabit tidak lagi bergantung pada amalan kempen secara konvensional semata-mata.

V2/3

➔ Saluran berkesan membantu kempen calon bertanding pada pemilihan MPP Sesi 2017/2018

## redaksi

Pengarang Eksekutif  
Berita / Rencana / Digital  
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Penulis Khas Kanan Ekonomi &  
Ehwal Semasa  
Saidon Idris

Pengarang Bersekutu Mingguan / BH2  
Azhar Abu Samah

Pengarang Pendidikan  
Fadzlena Jafar

Pengarang Berita Pendidikan:  
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan:  
Syuhada Choo Abdullah  
Mohd Zin Mohd Ali

Webmaster Pendidikan:  
Shuhazmir Selamat

Eksekutif Pentadbiran:  
Norhayati Yahya

Penyunting Eksekutif:  
Muhammad Fakhri Alias  
Rusnita Pechok

Wartawan:  
Nor Azma Laila  
Basir Zahrom  
Faizatul Farhana Farush Khan  
Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak

Artis Eksekutif:  
Mohd Hakim Ismail  
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator:  
Khairul Anuar Md Nor (Yon)  
Mohd Kahirol Nizam Roslan

E-mel: bhvarsiti.com.my

Pengiklanan  
Tel: 1300226787

Berita Harian  
Tel: 1300226787 samb 5108  
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN  
Jabatan Pengedaran dan Jualan  
Akhbar NSTP 31, Jalan Rieng,  
59100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2724 8999  
Samb: 7752/7713

E-mel atau surat ke alamat:  
bhvarsiti@bh.com.my atau  
Balai Berita,  
31, Jalan Rieng, 59100,  
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan

# MPP bukan platform raih populariti peribadi

Oleh **Nor Azma Laila**  
norazma@bh.com.my

## ► Kuala Lumpur

Menggunakan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebagai platform untuk meraih populariti peribadi, bersikap mementingkan diri dan lebih banyak memberi alasan atau mencari kesalahan orang lain berbanding menyelesaikan masalah.

Demikian antara sikap negatif yang jelas ditolak pengundi terhadap calon bertanding pada pemilihan MPP Sesi 2017/2018 dijadualkan berlangsung hingga bulan depan di universiti awam (UA) seluruh negara.

Sebaliknya, akar umbi kampus mahu diwakili barisan kepemimpinan terbaik yang mampu membawa dan menyampaikan suara pelajar dalam segenap aspek perjuangan berkaitan kebajikan mereka sepanjang tempoh mengikuti pengajian di universiti.

Ciri utama digariskan pengundi bagi melengkap pakej seseorang calon untuk mendapat mandat 'Yang Berhormat' kampus meliputi

berketerampilan, berdaya kepemimpinan tinggi, bijak berkomunikasi, memiliki sah-siah baik dan mampu melaksanakan tanggungjawab.

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Nur Azwani Muhammat Laila, mengaku sikap negatif seperti yang diutarakan adalah elemen tidak disukai pada mana-mana calon.

### Petah berbicara

"Bagi saya, calon diberi mandat perlulah seorang yang berpengaruh dalam kalangan pelajar dan peka akan isu semasa, terutama berkaitan sistem pendidikan serta universiti," katanya.

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Sains Pembangunan) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), El Naqib Ruslan yang sudah tiga kali mengundi pada pemilihan MPP, pula berkata selain memiliki kriteria utama diperlukan, calon pilihan juga mesti boleh mendengar dan menghayati luahan akar umbi.

"Akar umbi sudah tentu mahukan perwakilan yang rajin membuat kerja tetapi

pada masa sama petah berbicara supaya boleh menyampaikan suara pelajar kepada pengurusan tertinggi universiti.

"Di samping itu, berwawasan dan aktif dalam banyak program anjuran pihak universiti atau organisasi luar. Rupa paras yang cantik atau kacak mungkin boleh menjadi bonus," katanya ketika dihubungi.

### Berjiwa kental

Sementara itu mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Muzik) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Farah Farhana Zamri, berkata setiap ahli MPP perlu berjiwa pemimpin dan bijak menguruskan program kampus serta menangani isu berkaitan pelajar dan universiti.

"Ada pengundi memilih calon yang peramah dan senang didekati supaya lebih mudah berkongsi masalah dihadapi. Namun, tidak dinafikan ada juga pelajar selesai dengan ahli MPP yang agresif dan pandai bercakap kerana mahu pandangan mereka disampaikan serta dipertimbangkan pihak pengurusan universiti.

"Perwakilan juga harus tekun membuat kerja,



Antara calon yang bertanding pada pemilihan MPP Sesi 2017/2018 UKM.

kurang bercakap perkara tidak bermanfaat kepada akar umbi dan berjiwa kental memperjuangkan hak pelajar supaya tidak mudah berputus asa apabila diasak sebarang anasir luar yang mungkin ada agenda tersembunyi," katanya.



Nur Azwani Muhammat Laila



Pelajar melaungkan semangat dan sokongan kepada calon yang bertanding.

# Proses pemilihan berlangsung secara matang

← Dari VI

Seorang daripada mereka, Adib Ashman Burhan Burhanudin mengaku keberkesanan kempen menerusi media sosial memainkan peranan besar yang turut menyumbang pada kejayaannya memenangi kerusi Umum di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Berdasarkan peraturan ditetapkan pihak universiti, beliau berkata, calon tidak boleh memuat naik status untuk mempromosikan diri melalui media sosial milik peribadi, sebaliknya jentera kempen dibenarkan berbuat sedemikian.

“Saluran media sosial memang turut membantu mempromosikan saya sebagai calon yang bertanding, selain kaedah konvensional seperti mengadakan rapat umum dan pemasangan kain rentang serta poster,” katanya ketika dihubungi.

Pemilihan kali ini menyaksikan Adib Ashman Burhan yang mewakili Proaspirasi (Pro-A), berdepan perlawanan dua penjujur dengan calon Proinspirasi dalam saingan merebut kerusi Umum selepas menang tanpa bertanding kerusi sama pada sesi 2016/2017.

“Proses pemilihan berlangsung secara matang tanpa sebarang provokasi melampau atau serangan peribadi ke atas mana-mana calon. Kampus Bangi juga kembali ‘hidup’ dengan kempen tahun ini kerana ada pengundian berbanding tiada pertandingan pada pemilihan tahun lalu,” katanya.

## Turun padang

Pendapat sama mengenai pengaruh media sosial dalam kempen pemilihan MPP sesi ini juga disuarakan Nurul Ayda Yusnira Ramlee yang memperoleh 8,900 undi, iaitu jumlah tertinggi bagi perebutan kerusi Umum di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Beliau yang kali pertama bertanding pada pemilihan MPP berkata, antara platform media sosial digunakan ialah Facebook dan Instagram.

“Bagaimanapun, saya tidak ketinggalan berkempen melalui rapat umum dan memasang kain rentang serta poster, selain turun padang mendekati pengundi terutama pelajar baharu dengan menyertai program rakan suai kenal anjuran universiti.

“Saya juga menggunakan peluang berjumpa rakan di

fakulti dan kolej kediaman untuk memperkenalkan diri sebagai calon bertanding.

“Secara keseluruhan, pemilihan sesi ini menyaksikan persaingan sihat dengan calon memberikan sokongan kepada satu sama lain,” katanya.

## Konsep sederhana

Sementara itu Yang Dipertua MPP Sesi 2017/2018 Universiti Teknologi MARA (UiTM), Muhammad

Syahid Aiman Muhammad Bazlan, tidak menafikan penggunaan dan capaian meluas saluran media sosial amat membantu dalam kempen beliau yang julung kali bertanding.

“Saya menggunakan Instagram Stories dan bantuan rakan fakulti untuk mempromosikan diri sebagai calon.

“Kaedah kempen saya agak mudah berkonsepkan kesederhanaan dengan memasang poster serta kain

rentang di tempat strategik dan tidak terlalu banyak sehingga menyakitkan mata tetapi memadai untuk orang kenal dan ingat,” katanya.

Sepanjang berkempen, Muhammad Syahid Aiman tidak banyak menjaja manifesto, sebaliknya mendekati pelajar untuk bertanyakan permasalahan dan cuba membantu mereka yang secara langsung menunjukkan beliau cakna akan isu rakan kampus.

“Setiap calon tidak dapat lari daripada perasaan ingin menang. Namun, itu tidak menghalang calon daripada Fakulti Pendidikan untuk bersaing secara sihat dan saling menyokong.

“Pada akhirnya, nama fakulti tersemat di hati, malah kami cuba menjadi contoh kepada pelajar lain dengan menunjukkan kematangan dalam kepemimpinan dan bukan sekadar mengejar jawatan.

## Sikap profesional

“Secara peribadi, saya berpendapat sebarang cara berkempen yang tidak sihat harus dihentikan kerana akan mencetuskan budaya negatif jika dibiarkan berterusan,” katanya.

Seorang lagi calon yang meraih mandat pada pemilihan MPP Sesi 2017/2018 UKM, Wan Nurikma Imani Osman, berkata penggunaan media baharu seperti Facebook dan Instagram sangat membantu beliau mendapatkan sokongan pengundi.

“Pemilihan kali ini agak sengit berikutan kebanyakan kerusi Umum ada pertandingan, manakala calon pihak lawan punia tidak kurang hebat kerana mereka juga ada pengaruh yang besar,” katanya.

info

## Tarikh pemilihan MPP Sesi 2017/2018

UA	Penamaan calon	Pengundian
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	12 September 2017	14 September 2017
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	14 September 2017	19 September 2017
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	14 September 2017	20 September 2017
Universiti Teknologi MARA (UiTM)	17 September 2017	20 September 2017
Universiti Malaysia Pahang (UMP)	18 September 2017	20 September 2017
Universiti Putra Malaysia (UPM)	20 September 2017	26 September 2017
Universiti Utara Malaysia (UUM)	21 September 2017	26 September 2017
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	25 September 2017	28 September 2017
Universiti Malaya (UM)	25 September 2017	28 September 2017
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	26 September 2017	5 Oktober 2017
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	29 September 2017	5 Oktober 2017